

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN EMPATBELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI DR. SANTHARA (SEGAMAT)

SOALAN

DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tempoh kelulusan status Penduduk Tetap (PR) dan berapakah jumlah tertangguh bagi permohonan status Penduduk Tetap (PR) pasangan bukan warganegara Malaysia. Nyatakan jumlah permohonan yang tidak diluluskan dalam tempoh 5 tahun berdasarkan pecahan jantina dan tahun permohonan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah berdasarkan Subperaturan 5(3)(b), Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Bagi mendapatkan MyPR, pemohon perlu mempunyai pasport yang sah dan mempunyai Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berhubung dengan isu berkaitan tempoh pemprosesan dan kelulusan bagi permohonan MyPR seperti dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, dimaklumkan bahawa setiap permohonan yang dikemukakan kepada JPN akan diproses dengan teliti secara *case-by-case* mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ia berbeza-beza mengikut keperluan kes termasuklah tempoh untuk mendapatkan pengesahan ketulenan Permit Masuk daripada pihak JIM.

Berdasarkan rekod JPN dari tahun 2015 sehingga bulan Oktober 2019, sebanyak 925 permohonan MyPR yang sedang diproses dan tiada permohonan yang tidak diluluskan atau gagal bagi tempoh yang sama. Perincian jumlah permohonan yang sedang diproses mengikut tahun permohonan diterima adalah seperti mana berikut:-

- i. Tahun 2015: tiada;
- ii. Tahun 2016: satu (1) permohonan;
- iii. Tahun 2017: 158 permohonan;
- iv. Tahun 2018: 104 permohonan;
- v. Tahun 2019: 662 permohonan;